

Pengorganisasian Sosial dalam Novel Di Hadapan Pulau: Satu Analisis Melalui Pendekatan Pengurusan Sastera
Social Organizing in the Novel Di Hadapan Pulau: An Analysis Through the Literary Management Approach

Nurul Aini Zainal Abidin
nurulzainala@gmail.com

*Azhar Wahid**
azhar@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

**Corresponding Author*

Received: 11 May 2026; Published: 12 June 2026

Cite this article (APA) as:

Zainal Abidin, N. A., & Wahid, A. (2026). Pengorganisasian Sosial dalam Novel Di Hadapan Pulau: Satu Analisis Melalui Pendekatan Pengurusan Sastera. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 14(1)*, 13 - 24. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/215>

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis prinsip pengorganisasian sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said melalui kerangka Pendekatan Pengurusan Sastera yang diperkenalkan oleh Abu Hassan (2022). Kajian bertujuan meneliti bagaimana prinsip pengorganisasian berperanan dalam membentuk struktur dan daya tahan sosial masyarakat Melayu di bawah tekanan pendudukan Jepun. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks, kajian ini meneliti peristiwa naratif, pembahagian peranan, koordinasi tindakan serta hubungan kerjasama dalam organisasi sosial tidak formal. Analisis mendapati bahawa walaupun latar peperangan menyebabkan struktur organisasi kelihatan longgar dan situasional, prinsip pengorganisasian sosial tetap beroperasi secara adaptif mengikut keperluan mendesak. Lima bentuk pengorganisasian sosial utama telah dikenal pasti iaitu organisasi keagamaan, pembinaan perlindungan, pengurusan pengebumian, usaha kelangsungan hidup, serta institusi kekeluargaan. Dapatan menunjukkan pengorganisasian sosial berfungsi sebagai mekanisme penyesuaian dan daya tahan masyarakat dalam menghadapi krisis, di mana pembahagian peranan dan kerjasama kolektif menjadi teras utama walaupun tanpa struktur formal yang rigid. Kajian ini menyumbang kepada bidang kesusasteraan Melayu dengan memperkukuhkan pendekatan pengurusan organisasi sebagai kerangka analisis interdisiplin yang mampu menyingkap dimensi sosial dan budaya dalam teks sastera. Dapatan kajian turut memberikan implikasi praktikal kepada pengurusan organisasi sosial kontemporari dalam situasi krisis.

Kata kunci: pengorganisasian sosial, pengurusan organisasi, pendekatan pengurusan sastera, novel Melayu, pengurusan sastera

ABSTRACT

This study analyses the principles of social organizing in the novel Di Hadapan Pulau by A. Samad Said through the Literary Management Approach introduced by Abu Hassan (2022). The study aims to examine how the principles of social organizing function in shaping the social structure and resilience of Malay society under the pressure of the Japanese Occupation in Malaya. Using a qualitative approach based on textual analysis, this research investigates narrative events, role division,

coordination of actions, and collaborative relationships among characters in informal social organizations. The analysis reveals that although the wartime setting makes organizational structures appear loose and situational, the principles of social organizing continue to operate adaptively according to urgent needs. Five main forms of social organizing were identified: religious organization, shelter construction, funeral management, survival efforts, and family institutions. The findings demonstrate that social organizing serves as a crucial mechanism of adaptation and societal resilience in times of crisis, with role division and collective cooperation forming the core elements despite the absence of rigid formal structures. This study contributes to Malay literary studies by strengthening the organizational management approach as an interdisciplinary analytical framework capable of uncovering social and cultural dimensions in literary texts. The findings also offer practical implications for the management of contemporary social organizations in crisis situations.

Keywords: social organizing, organizational management, literary management approach, Malay novel, literary management

PENGENALAN

Karya sastra bukan sahaja berfungsi sebagai medium kreatif dan estetik, malah merupakan cerminan dinamika kehidupan masyarakat yang kompleks. Melalui naratif, watak, konflik dan latar, pengarang sering menggambarkan pelbagai bentuk organisasi sosial yang terbentuk dalam kalangan masyarakat sama ada secara formal mahupun tidak formal. Dalam konteks kajian ini, pengorganisasian sosial difahami sebagai proses yang melibatkan pembahagian peranan, penyelarasan fungsi, kerjasama dan hubungan antara anggota masyarakat bagi memastikan kelangsungan sesuatu sistem sosial. Pemahaman ini selaras dengan prinsip pengorganisasian yang diuraikan dalam Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022).

Pengurusan sebagai satu proses sosial merangkumi aktiviti merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber bagi mencapai matlamat bersama. Dalam kehidupan bermasyarakat, pengurusan tidak terhad kepada organisasi formal seperti institusi pentadbiran atau korporat semata-mata. Sebaliknya, ia turut merangkumi pelbagai bentuk pengorganisasian sosial yang timbul secara semula jadi melalui interaksi harian, terutamanya dalam situasi krisis atau ketidakstabilan (Saadon Awang, 2006; Robbins & Coulter, 2014). Kecekapan pengorganisasian sosial ini sering menjadi penentu daya tahan sesebuah komuniti dalam menghadapi cabaran luaran.

Dalam bidang kesusasteraan Melayu, pendekatan pengurusan semakin mendapat tempat sebagai kerangka analisis interdisiplin. Pendekatan ini membolehkan karya sastra diteliti bukan sahaja dari sudut estetik dan naratif, tetapi juga sebagai representasi sistem sosial yang terurus. Pendekatan Pengurusan Sastra yang diperkenalkan oleh Abu Hassan (2022) menggariskan prinsip-prinsip utama seperti perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, penstafan dan kawalan. Antara prinsip-prinsip tersebut, pengorganisasian merupakan teras penting kerana ia membolehkan pengkaji meneliti bagaimana struktur masyarakat dibentuk, peranan sosial diagihkan, serta hubungan antara individu dan kelompok diselaraskan dalam naratif karya.

Pengorganisasian sosial dalam karya sastra Melayu sering dipengaruhi oleh nilai budaya, norma tradisional dan keperluan mendesak masyarakat. Pembahagian tugas dan kerjasama kolektif tidak semestinya bersifat formal, tetapi terbentuk secara adaptif mengikut konteks sejarah dan sosial. Kajian-kajian terdahulu seperti Mahyudin dan Wahid (2025) yang menganalisis corak pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi, serta Jaafar dan Wahid (2024) yang meneliti pengurusan kepimpinan keusahawanan dalam karya terpilih Anwar Ridhwan, telah menunjukkan potensi pendekatan pengurusan dalam membongkar dimensi sosial dan budaya dalam teks sastra. Namun, aplikasi khusus terhadap prinsip pengorganisasian sosial dalam konteks krisis peperangan masih kurang diberi tumpuan.

Novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said merupakan salah satu karya penting

dalam kesusasteraan Melayu yang menggambarkan kehidupan masyarakat Tanah Melayu di bawah pendudukan Jepun (1942–1945). Novel ini memaparkan kesan peperangan yang dahsyat terhadap struktur sosial masyarakat, termasuk kemusnahan sistem sedia ada dan usaha pembentukan semula organisasi sosial bagi memastikan kelangsungan hidup. Melalui watak-watak seperti Syed Fikri, Mak Ketong, Aziz dan Afidah, A. Samad Said memperlihatkan dengan mendalam bagaimana masyarakat kampung nelayan berusaha membentuk pelbagai bentuk pengorganisasian sosial dalam keadaan kekurangan sumber, ancaman keselamatan dan ketidaktentuan masa depan.

Dalam situasi krisis seperti pendudukan Jepun, pengorganisasian sosial menjadi mekanisme penyesuaian dan daya tahan utama. Walaupun struktur yang terbentuk kelihatan longgar dan situasional, ia tetap berfungsi melalui pembahagian peranan, koordinasi tindakan dan kerjasama kolektif. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan analisis terhadap prinsip pengorganisasian sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* dengan menggunakan Pendekatan Pengurusan Sastera sebagai kerangka utama. Kajian ini bertujuan meneliti bagaimana pengorganisasian sosial digambarkan dalam naratif karya serta peranannya dalam membentuk struktur kehidupan masyarakat yang berdepan dengan tekanan sejarah dan sosial. Melalui analisis ini, diharapkan kajian dapat memperkukuhkan pendekatan pengurusan organisasi sebagai kerangka analisis interdisiplin yang relevan dalam memahami dimensi sosial dan budaya dalam karya sastera Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai penerapan pendekatan pengurusan dalam kesusasteraan Melayu masih berada di peringkat awal dan belum berkembang secara mendalam, terutamanya dalam aspek pengorganisasian sosial. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan prinsip perancangan dan kepimpinan, manakala pengorganisasian sosial yang melibatkan pembahagian peranan, koordinasi tindakan, kerjasama kolektif dan pembentukan struktur sosial tidak formal masih kurang diterokai secara khusus.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015), misalnya, telah mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan dalam menganalisis *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dengan memberi fokus terhadap Prinsip Kepimpinan sebagai salah satu komponen utama dalam pendekatan tersebut. Kajian ini meneliti aspek pentadbiran, tanggungjawab sosial, komunikasi dan hubungan antara pemerintah dengan rakyat melalui analisis struktur karya. Namun demikian, perbincangan mengenai prinsip pengorganisasian sosial seperti pembentukan struktur organisasi, pembahagian peranan, hubungan kuasa dan pengurusan konflik tidak dihuraikan secara khusus serta masih bersifat implisit dalam analisis yang dikemukakan. Begitu juga, kajian Mahyudin dan Haji Wahid (2025) yang mengkaji corak pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi, serta Jaafar dan Wahid (2024) yang meneliti pengurusan kepimpinan keusahawanan dalam karya Anwar Ridhwan, menunjukkan perkembangan positif dalam bidang ini. Walaupun begitu, kedua-dua kajian ini lebih tertumpu pada dimensi kepimpinan dan perancangan berbanding pengorganisasian sosial sebagai mekanisme penyesuaian dan daya tahan masyarakat.

Perkembangan terkini turut dilihat dalam kajian Wahab, Wahid dan Jaafar (2025) yang menganalisis naratif pengurusan teknologi dan aplikasi teori semiotik dalam novel-novel Shahnnon Ahmad seperti *Sampah*, *Tivi* dan *Kemelut*. Kajian-kajian ini berjaya menunjukkan potensi pendekatan pengurusan sastera dalam membongkar isu kontemporari, namun masih kurang menumpukan kepada pengorganisasian sosial dalam konteks krisis sejarah dan peperangan.

Kerangka Pengurusan Sastera yang diperkenalkan oleh Abu Hassan (2022) telah membuka ruang baharu dengan mendefinisikan organisasi sebagai gabungan dua individu atau lebih yang bekerjasama secara terkoordinasi bagi mencapai matlamat bersama. Pendekatan ini membolehkan analisis yang lebih mendalam terhadap struktur sosial, pembahagian peranan

dan hubungan kerjasama dalam teks sastra. Namun, aplikasi khusus terhadap prinsip pengorganisasian sosial dalam karya sastra moden, khususnya novel berlatar sejarah dan konflik, masih terhad.

Di samping itu, kajian oleh Aniss Tanisha dan Norazimah Zakaria (2022) yang meneliti penerapan elemen pengurusan dalam pembelajaran novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* lebih tertumpu kepada konteks pedagogi serta pengajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif berasaskan Teori Konstruktivisme. Kajian tersebut menekankan kerelevanan prinsip pengurusan dalam proses pembelajaran, namun tidak memberikan perhatian secara khusus terhadap analisis pengorganisasian sosial sebagai kerangka kritikan sastra.

Sehubungan itu, sorotan kajian lepas memperlihatkan satu kelompangan yang jelas, iaitu kekurangan analisis yang mendalam terhadap prinsip pengorganisasian sosial dalam karya sastra Melayu, terutamanya dalam konteks krisis sejarah seperti pendudukan Jepun. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti pengorganisasian sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said. Kajian ini bukan sahaja bertujuan melengkapkan wacana sedia ada, malah berusaha memperluas aplikasi pendekatan pengurusan organisasi sebagai kerangka analisis interdisiplin yang relevan dalam memahami dinamika sosial dan daya tahan masyarakat dalam teks sastra.

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun pendekatan pengurusan sastra semakin diperkenalkan sebagai kerangka analisis interdisiplin dalam kesusasteraan Melayu, penerapannya masih terhad dan kurang mendalam, khususnya dalam aspek pengorganisasian sosial. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan prinsip perancangan dan kepimpinan (Jaafar & Wahid, 2024; Mahyudin & Wahid, 2025), sementara prinsip pengorganisasian sebagai elemen teras pembentukan struktur sosial, pembahagian peranan, koordinasi tindakan dan kerjasama kolektif dalam naratif sastra masih kurang diberi penekanan.

Keadaan ini mewujudkan kelompangan yang signifikan. Pendekatan pengurusan sering dianggap lebih sesuai untuk bidang perniagaan, pentadbiran dan pendidikan, sekali gus menimbulkan tanggapan bahawa ia kurang relevan dalam analisis teks sastra. Sedangkan naratif sastra secara implisit memaparkan proses pengorganisasian sosial melalui interaksi watak, pembentukan komuniti dan penyesuaian kolektif dalam pelbagai konteks kehidupan. Kekurangan tumpuan terhadap aspek ini menyebabkan potensi karya sastra sebagai sumber pemahaman dinamika organisasi sosial tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Kelompangan ini lebih ketara dalam novel berlatar sejarah dan situasi krisis. Novel *Di Hadapan Pulau* (1991) karya A. Samad Said, yang menggambarkan kehidupan masyarakat Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun, menawarkan ruang yang kaya untuk meneliti bagaimana pengorganisasian sosial terbentuk secara adaptif dalam keadaan kekurangan sumber, ancaman keselamatan dan ketidakstabilan sosial. Namun, sehingga kini, kajian yang memfokuskan analisis prinsip pengorganisasian sosial dalam novel ini masih sangat terhad.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti secara sistematik bagaimana prinsip pengorganisasian sosial diaplikasikan dalam naratif *Di Hadapan Pulau*. Kajian ini penting untuk memahami peranan pengorganisasian sosial sebagai mekanisme penyesuaian dan daya tahan masyarakat dalam situasi krisis, sekaligus memperkukuhkan pendekatan pengurusan organisasi sebagai kerangka analisis yang relevan dan bermakna dalam kesusasteraan Melayu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks untuk meneliti pengorganisasian sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* (1991) karya A. Samad Said. Pemilihan pendekatan kualitatif adalah sesuai dengan sifat kajian sastra yang menuntut

pemahaman mendalam terhadap makna, struktur naratif, pembinaan watak dan hubungan sosial yang terkandung dalam teks (Creswell & Poth, 2018). Melalui pendekatan ini, teks dianalisis secara deskriptif dan interpretatif bagi mengenal pasti bentuk-bentuk pengorganisasian sosial yang dipaparkan dalam naratif, khususnya yang berkaitan dengan pembahagian peranan, kerjasama sosial dan penyelarasan tindakan masyarakat. Analisis ini dilaksanakan dengan berpandukan Pendekatan Pengurusan sastera yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022) sebagai kerangka konseptual kajian.

Sumber Data

Sumber data utama kajian ini ialah teks primer iaitu novel *Di Hadapan Pulau* (cetakan 1991) karya A. Samad Said. Pemilihan novel ini dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) kerana ia kaya dengan gambaran kehidupan masyarakat Melayu di bawah pendudukan Jepun (1942–1945), yang penuh dengan ketidakstabilan, kekurangan sumber, ancaman keselamatan dan konflik sosial. Konteks sejarah ini menyediakan ruang yang ideal untuk mengkaji proses pengorganisasian sosial secara tidak formal.

Sumber data sekunder pula terdiri daripada buku, artikel jurnal dan karya ilmiah berkaitan pendekatan pengurusan sastera, khususnya kerangka pendekatan pengurusan Abu Hassan (2022), serta kajian-kajian terdahulu mengenai pengurusan organisasi dalam sastera Melayu. Sumber sekunder ini digunakan untuk menyokong interpretasi dan membina justifikasi teoritik.

Prosedur Analisis Data

Analisis data dijalankan secara deskriptif dan interpretatif dengan menggunakan analisis tematik sebagai panduan untuk mengenal pasti, mengkategorikan dan menghuraikan tema-tema yang berkaitan dengan pengorganisasian sosial dalam novel *Di Hadapan Pulau* (Braun & Clarke, 2006). Kaedah ini dipilih kerana fleksibilitinya dalam membantu penyelidik mengenal pasti pola dan hubungan yang terkandung dalam data teks secara sistematik.

Proses analisis dilaksanakan melalui empat peringkat utama. Pertama, pembacaan mendalam dan pengecaman data, iaitu pembacaan keseluruhan novel secara berulang kali untuk mengenal pasti peristiwa, dialog, interaksi watak dan situasi yang memperlihatkan unsur pengorganisasian sosial.

Kedua, pengkodan dan pengkategorian data, iaitu pemilihan serta pengkodan petikan-petikan yang relevan berdasarkan aspek pengorganisasian seperti pembahagian peranan, penyelarasan tindakan, kerjasama kolektif dan penyesuaian sosial. Petikan-petikan tersebut kemudiannya dikelompokkan kepada lima kategori utama pengorganisasian sosial yang dikenal pasti dalam teks, iaitu organisasi keagamaan, pembinaan perlindungan, pengurusan pengebumian, usaha kelangsungan hidup dan institusi kekeluargaan.

Ketiga, analisis dan interpretasi tema, iaitu proses menghuraikan fungsi dan peranan setiap bentuk pengorganisasian sosial berdasarkan konteks naratif novel. Analisis ini diperkukuhkan dengan Pendekatan Pengurusan yang dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2022) serta latar sejarah pendudukan Jepun bagi memahami bagaimana masyarakat membentuk dan mengekalkan sistem sosial dalam situasi krisis.

Keempat, semakan dan pengesahan interpretasi, iaitu proses menilai semula petikan, kategori dan huraian yang telah dibangunkan bagi memastikan keselarasan antara data, interpretasi dan objektif kajian.

Bagi meningkatkan ketelitian analisis, semakan silang dilakukan antara petikan teks primer, sumber sejarah dan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan. Selain itu, proses analisis didokumentasikan secara sistematik bagi memastikan ketelusan dan konsistensi interpretasi. Pendekatan ini membolehkan dapatan dianalisis secara menyeluruh dengan mengambil kira konteks budaya, sejarah dan sosial yang melatari novel *Di Hadapan Pulau*.

ANALISIS

Analisis terhadap novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said mendapati bahawa pengorganisasian sosial tidak dibentuk melalui struktur organisasi formal yang rigid dan hierarki seperti model pengurusan moden. Sebaliknya, pengorganisasian sosial muncul secara situasional, adaptif dan responsif mengikut keperluan mendesak masyarakat dalam konteks pendudukan Jepun (1942–1945). Walaupun latar peperangan menyebabkan ketidakstabilan yang melampau, prinsip pengorganisasian tetap beroperasi sebagai mekanisme penyesuaian dan daya tahan sosial. Kajian ini mengenal pasti lima bentuk pengorganisasian sosial utama yang berfungsi dalam novel tersebut, iaitu organisasi keagamaan, pembinaan perlindungan, pengurusan pengebumian, usaha kelangsungan hidup, dan institusi kekeluargaan. Setiap bentuk ini akan dianalisis berdasarkan prinsip pengorganisasian yang dikemukakan oleh Abu Hassan (2022).

Organisasi Keagamaan

Organisasi keagamaan yang terbentuk di kampung nelayan di bawah bimbingan Syed Fikri merupakan salah satu contoh paling ketara tentang pengorganisasian sosial yang adaptif dan berkesan dalam novel ini. Syed Fikri bertindak sebagai pemimpin tidak formal yang menyelaraskan aktiviti keagamaan seperti mengaji Al-Quran dan mendirikan sembahyang berjemaah. Perkara ini jelas ditunjukkan melalui beberapa petikan berikut:

“Belajar sembahyang pula. Awak semua bukan kecil lagi. Berapa umur awak?”
dia menunjuk Aziz dengan tongkatnya.

(Di Hadapan Pulau, 1991:15)

“...Pada masa-masa genting seperti sekarang baru dilihatnya masing-masing orang terutama yang tua-tua mula merasakan betapa perlunya mereka kembali kepada agama, mencari petunjuk, pembimbing, pelindung dan kekuatan rohaniah. Di antara mereka yang berbual dengannya di surau, dia perhatikan Tuk Marzuki yang lebih cenderung kepada soal-soal kebajikan dan kerohanian ini...”

(Di Hadapan Pulau, 1991: 54-55)

“...Syed Fikri salah seorang tua di kawasan itu yang memberikan perhatian yang baik kepada kebajikan penduduk-penduduk di situ. Sekurang-kurangnya dia belajar menjerang air dari orang tua itu; sekurang-kurangnya dia belajar bercucuk tanam dengan orang tua itu...”

(Di Hadapan Pulau, 1991: 59)

Melalui petikan-petikan tersebut, Syed Fikri berjaya melaksanakan pembahagian peranan dan penyelarasan tindakan secara berkesan. Beliau dipilih berdasarkan autoriti pengetahuan dan latar belakangnya, manakala golongan anak muda dan orang tua memainkan peranan sebagai peserta aktif. Dapatan ini selaras dengan konsep Abu Hassan (2022) yang mendefinisikan pengorganisasian sebagai proses kerjasama terkoordinasi antara individu untuk mencapai matlamat bersama. Dalam konteks krisis peperangan, organisasi keagamaan ini bukan sahaja berfungsi untuk memperkukuhkan akidah, malah bertindak sebagai platform penyatuan sosial yang membantu masyarakat membina kekuatan rohani dan daya tahan moral. Ini membuktikan bahawa pengorganisasian sosial boleh beroperasi dengan baik walaupun tanpa struktur formal yang rigid, selagi terdapat kepercayaan dan autoriti yang diterima oleh komuniti.

Pengorganisasian Pembinaan Perlindungan (Shelter)

Pengorganisasian pembinaan shelter merupakan satu bentuk pengorganisasian sosial yang sangat pragmatik dan responsif terhadap ancaman fizikal semasa pendudukan Jepun. Dalam Bab 7 novel ini, arahan daripada seorang sojar Melayu mencetuskan kerjasama bergotong-royong di kalangan penduduk kampung untuk membina shelter baharu yang lebih dekat dengan rumah mereka. Proses ini digambarkan dengan jelas melalui petikan berikut:

“Tapi, sebaik-baik ada yang mengadu, orang-orang seperti ini dipaksa supaya ke *shelter* juga. Dan yang berdegil akan didatangi sojar, menasihatkannya dengan baik. Kepada setengah yang ungkal saja, sojar terpaksa berkeras ‘*Memang betul di mana pun seseorang akan mati jika sudah sampai ajal,*’ jelas seorang sojar kepada Mak Ketong... Itulah salah satu sebab maka *shelter-shelter* baru dibina orang, *shelter* yang lebih dekat dari rumah. *Shelter* Mak Ketong dibuat bergotong-royong seperti kebanyakan *shelter*. Dorani dan Zubir yang banyak memberikan tenaga.

(*Di Hadapan Pulau*, 1991: 65)

Melalui petikan ini, jelas bahawa pengorganisasian shelter terbentuk secara situasional melalui autoriti sementara sojar yang bertindak sebagai pengarah. Penduduk kampung seperti Dorani dan Zubir pula memainkan peranan sebagai tenaga pelaksana utama. Dapatan ini selaras dengan prinsip pengurusan Abu Hassan (2022) yang menyatakan bahawa pengorganisasian melibatkan penyusunan sumber manusia dan kerjasama terkoordinasi untuk mencapai matlamat bersama. Dalam konteks krisis peperangan, pengorganisasian tidak formal ini terbukti lebih responsif dan berkesan kerana ia boleh disesuaikan dengan cepat mengikut keperluan keselamatan fizikal. Keberkesanan gotong-royong bukan sahaja memenuhi keperluan perlindungan, malah turut memperkukuhkan semangat kolektif dan daya tahan sosial komuniti.

Peristiwa ini menunjukkan bahawa dalam situasi darurat, pengorganisasian sosial cenderung bergantung kepada autoriti sementara dan kerjasama sukarela. Ia membuktikan bahawa pengorganisasian yang ringkas dan adaptif boleh menjadi lebih berkesan berbanding struktur formal yang kaku apabila menghadapi ancaman segera.

Pengurusan Pengeboman

Pengorganisasian pengeboman dalam novel *Di Hadapan Pulau* menunjukkan dimensi yang berbeza berbanding dua bentuk pengorganisasian sebelumnya. Ia berlaku dalam keadaan yang sangat tertekan, tergesa-gesa dan dipaksakan oleh pihak penjajah, sekali gus menggambarkan kegagalan pengorganisasian sosial akibat campur tangan luar.

Peristiwa ini dirakam dalam Bab 9, yang menggambarkan kematian ramai penduduk Kampung Nelayan akibat pengeboman dan tembakan tentera Jepun. Proses pengeboman dilakukan secara paksa dan tidak sistematik seperti yang ditunjukkan dalam petikan berikut:

“Masuk ke kawasan kem tentera itu, mula terbau bangkai sebusuk-busuknya. Aziz perhatikan beberapa bahagian kem yang terpisah-pisah itu berlubang-lubang ditembusi peluru..... Di merata-rata ceruk kelihatan sojar Jepun sedang berdiri, merenung dengan mata yang meliar. Semua yang datang disuruh berbaris dan kemudian dipisahkan antara orang dewasa dan kanak-kanak. Paling hujung, beberapa orang dewasa yang telah dipisahkan, telah diberi cangkul dan pongkes untuk membersihkan sebahagian kawasan kem tersebut. Sebahagian mereka lagi sedang menggali lubang, nampaknya sebesar mungkin. Yang lain-lain kelihatan sedang mengangkat mayat di dalam *stretcher* membawanya ke arah lubang.

Setelah diperintah mayat-mayat itu dilontar terus ke dalam lubang yang masih lagi digal – dibesarkan.”

(Di Hadapan Pulau, 1991:92-93)

“Beberapa orang lain yang diperintah supaya mengangkat mangsa yang tertembak itu. Yang seolah diketepikan, dibiarkan tanpa dirawat, dan yang mati disuruh lontarkan ke dalam lubang yang sedang digali.”

(Di Hadapan Pulau, 1991:94)

“Memang sakit-sakit sungguh seluruh badannya. Tidak pernah dia menyangkul dan mengangkat barang seberat itu. Bukan tidak boleh dilakukan semua itu tapi melakukannya sekaligus dalam sehari, dan melakukannya pula atas paksaan menjadikan semua kerja itu sungguh memenat dan menderitakan.”

(Di Hadapan Pulau, 1991: 99)

Dari perspektif Pendekatan Pengurusan Sastera Abu Hassan (2022), peristiwa ini menggambarkan kegagalan pengorganisasian sosial yang ketara. Strukturnya hanya melibatkan dua peranan utama sojar Jepun sebagai pemberi arahan dan penduduk kampung sebagai tenaga pelaksana paksa tanpa perancangan rapi, pembahagian tugas yang adil, atau pemeliharaan nilai kemanusiaan. Ini bertentangan dengan prinsip pengorganisasian Abu Hassan (2022) yang menekankan kerjasama terkoordinasi dan autonomi komuniti.

Analisis ini menonjolkan kontras yang penting: sementara organisasi keagamaan dan pembinaan shelter menunjukkan daya tahan dan keupayaan adaptasi masyarakat, pengurusan pengebumian pula mencerminkan kehancuran struktur sosial akibat kuasa penjajah. Keadaan ini memperkukuhkan hujah bahawa pengorganisasian sosial yang berkesan memerlukan elemen autonomi, kerjasama sukarela dan penghormatan terhadap nilai kemanusiaan elemen yang hilang sepenuhnya dalam peristiwa pengebumian paksa ini.

Usaha Kelangsungan Hidup (Kebuluran)

Pengorganisasian sosial dalam usaha kelangsungan hidup muncul secara implisit tetapi jelas apabila masyarakat kampung nelayan menghadapi kebuluran akibat peperangan. Dalam keadaan kekurangan makanan yang kritikal, Mak Ketong muncul sebagai tokoh utama yang mengambil inisiatif memimpin usaha mencari sumber makanan. Peristiwa ini digambarkan dengan jelas melalui petikan berikut:

“Petang itu Mak Ketong memanggil Afidah dan Aziz (kini mereka sudah pun begitu sebat dengannya) membayangkan bahawa dengan perkembangan sekarang, mereka terpaksa ikut mencari makanannya sendiri. Afidah tekelp-kep-kep saja, memandang Aziz yang sebenarnya sudah pun mula kelihatan kurus. “Faham, apa yang Mak Ketong cakapkan ini?” Mereka kedua-duanya mengangguk.

(Di Hadapan Pulau, 1991:114)

“Kita pindah sajalah dari sini,” tiba-tiba Mak Ketong bersuara. “Ke mana?” tanya Aziz dan Afidah. “Ke mana-mana pun boleh. Asal ada makanan, asal ada kerja, asal boleh hidup,” kata Mak Ketong.

(Di Hadapan Pulau, 1991:132)

“Kita nekad saja, kita pergi ke pulau tu besok,” kata Mak Ketong, tiba-tiba mengocakkan khayalan Aziz dan Afidah. “Sapa cakap ada bahaya? Sengaja orang menakut-nakutkan saja.” Kata Mak Ketong. Di sana tu ada Jepun, di sana

tu mereka simpan semua makanan. Merekalah yang kenyang hidup; kitalah yang mati kebulur,” tambahnya.

(*Di Hadapan Pulau*,1991:133)

Melalui petikan-petikan ini, Mak Ketong bukan sahaja mengenal pasti masalah dan menetapkan matlamat, malah melaksanakan pembahagian tugas dan penyelarasan tindakan secara pragmatik. Afidah dan Aziz pula bertindak sebagai pelaksana di bawah bimbingan beliau. Dapatan ini memperkukuhkan konsep Abu Hassan (2022) yang mendefinisikan pengorganisasian sebagai kerjasama terkoordinasi antara individu untuk mencapai matlamat bersama. Dalam konteks kebuluran yang mengancam nyawa, matlamat organisasi ini menjadi sangat asas iaitu kelangsungan hidup. Analisis ini menunjukkan bahawa pengorganisasian sosial boleh beroperasi dalam skala yang paling kecil dan ringkas apabila masyarakat berdepan dengan ancaman kematian. Mak Ketong berperanan sebagai pengurus sekaligus penasihat, manakala kepercayaan peribadi dan hubungan kekeluargaan menjadi asas koordinasi. Ini membuktikan bahawa dalam situasi krisis yang ekstrem, pengorganisasian yang adaptif, fleksibel dan berasaskan kepercayaan sering lebih berkesan berbanding struktur formal yang kaku dan birokratik.

Institusi Kekeluargaan

Institusi kekeluargaan merupakan bentuk pengorganisasian sosial yang paling asas namun sangat penting dalam novel *Di Hadapan Pulau*. Walaupun skala organisasi ini paling kecil, ia berfungsi sebagai jaringan sokongan utama dalam masyarakat yang sedang dilanda krisis. Peristiwa ini digambarkan apabila Tuk Marzuki, sebagai ketua keluarga, merancang untuk mengembara ke Kampung Nelayan. Sebelum bertolak, beliau menugaskan Lebai Jamil dan Mustaffa untuk menjaga adiknya, Rukiah yang mengalami keadaan nyanyuk. Hal ini ditunjukkan melalui petikan berikut:

“Sudah diberitahu beberapa kali, cukuplah seorang dua saja yang mengembara ke tempat lain; Mustaffa dan isteri serta anak-anaknya lebih baik meneruskan hidup di sawah dan di pokok getah sebatang dua, fikirnya...Sudah tahu Rukiah kadang kadang nyanyuk mengapa masih ditinggalkannya juga. Tidakkah itu menganiaya saja ertinya?”

(*Di Hadapan Pulau*, 1991:67)

“Sebelum berlepas dia masih sempat memesan kepada Lebai Jamil supaya menjengah jengah adiknya yang nyanyuk itu.”

(*Di Hadapan Pulau*, 1991:68)

Dalam peristiwa ini, Tuk Marzuki bertindak sebagai pengarah keluarga yang menetapkan matlamat (menjaga keselamatan dan kebajikan Rukiah), membahagikan tugas, serta memberikan arahan yang jelas. Walaupun struktur organisasi kekeluargaan ini sangat sederhana, ia tetap menunjukkan proses pengorganisasian yang efektif iaitu penentuan tanggungjawab dan pemilihan individu yang sesuai berdasarkan hubungan kekeluargaan serta autoriti tidak formal. Analisis ini selaras dengan Pendekatan Pengurusan Sastera Abu Hassan (2022) yang menyatakan bahawa pengorganisasian boleh wujud dalam pelbagai bentuk, termasuk institusi kekeluargaan yang beroperasi melalui hubungan emosi dan tanggungjawab sosial. Dalam konteks krisis peperangan, institusi kekeluargaan berfungsi sebagai organisasi sosial mikro yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan dan kesejahteraan ahli keluarga di tengah-tengah kekacauan yang lebih besar. Ini membuktikan bahawa pengorganisasian sosial tidak semestinya memerlukan skala yang besar, tetapi bergantung kepada kepercayaan, tanggungjawab dan matlamat bersama.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Menurut Pendekatan Pengurusan Sastera Abu Hassan (2022), pengorganisasian boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk institusi kekeluargaan yang beroperasi melalui hubungan emosi dan tanggungjawab sosial. Kajian ini mendapati bahawa dalam novel *Di Hadapan Pulau*, pengorganisasian sosial bukan sahaja wujud secara situasional, malah berfungsi sebagai mekanisme daya tahan budaya yang unik dalam kalangan masyarakat Melayu di bawah tekanan penjajahan. Ini merupakan sumbangan penting kerana ia memperluaskan konsep Abu Hassan (2022) dengan menunjukkan bahawa pengorganisasian dalam konteks krisis sejarah lebih bergantung kepada adaptasi budaya dan nilai kekeluargaan berbanding struktur formal.

Kelima-lima bentuk pengorganisasian sosial yang dikenal pasti organisasi keagamaan, pembinaan perlindungan, pengurusan pengebumian, usaha kelangsungan hidup, dan institusi kekeluargaan memperlihatkan corak yang konsisten: walaupun struktur kelihatan longgar dan tidak formal, ia berjaya memenuhi fungsi asas pengorganisasian seperti pembahagian peranan, koordinasi tindakan dan kerjasama kolektif. Dapatan ini selaras dengan Abu Hassan (2022) yang mendefinisikan organisasi sebagai gabungan individu yang bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama. Namun, kajian ini menambah dimensi baharu dengan menunjukkan bahawa dalam situasi krisis peperangan, matlamat pengorganisasian adalah lebih asas dan mendesak iaitu kelangsungan hidup dan pengekalan identiti kemanusiaan.

Secara teoritikal, kajian ini memperkukuhkan hujah bahawa pengurusan organisasi dalam karya sastera tidak sepatutnya diukur menggunakan model organisasi moden yang rigid. Sebaliknya, ia harus difahami sebagai cerminan dinamika sosial yang dipengaruhi oleh faktor sejarah, budaya dan psikologi masyarakat. Novel *Di Hadapan Pulau* berjaya menggambarkan bagaimana masyarakat Melayu yang terpinggir mampu mencipta mekanisme pengorganisasian sendiri, sekali gus memperluas aplikasi Pendekatan Pengurusan Sastera sebagai kerangka analisis interdisiplin yang relevan untuk memahami daya tahan masyarakat dalam konteks penjajahan dan krisis.

Dapatan ini turut disokong oleh kajian Wahab, Wahid dan Jaafar (2025) serta Abd Karim dan Wahid (2025) yang menunjukkan potensi pendekatan pengurusan dalam sastera. Namun, kajian ini membezakan diri dengan memberi tumpuan khusus kepada pengorganisasian sosial dalam konteks krisis sejarah, yang masih kurang diterokai. Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini memberikan implikasi penting kepada pengurusan organisasi sosial kontemporari, terutamanya dalam menghadapi krisis seperti bencana alam, pandemik atau konflik, di mana pengorganisasian tidak formal yang adaptif sering menjadi tulang belakang daya tahan komuniti.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said memperlihatkan prinsip pengorganisasian sosial yang beroperasi secara tidak formal, situasional dan adaptif. Dalam konteks krisis peperangan akibat pendudukan Jepun, masyarakat kampung nelayan mampu membentuk pelbagai bentuk organisasi sosial daripada organisasi keagamaan, pembinaan perlindungan, pengurusan pengebumian, usaha kelangsungan hidup, sehingga institusi kekeluargaan bagi memastikan kelangsungan hidup dan pengekalan nilai kemanusiaan.

Walaupun struktur organisasi yang digambarkan tidak sistematik seperti model organisasi moden, pengorganisasian sosial dalam novel ini tetap berkesan melalui pembahagian peranan, kerjasama kolektif dan penyesuaian mengikut keperluan mendesak. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengorganisasian sosial berfungsi sebagai mekanisme daya tahan (resilience) yang penting bagi masyarakat yang sedang mengalami tekanan sejarah dan sosial yang berat.

Kajian ini juga menegaskan bahawa Pendekatan Pengurusan Sastera merupakan kerangka analisis yang relevan dan berpotensi tinggi dalam kesusasteraan Melayu. Melalui pendekatan ini, karya sastera bukan sahaja dapat dibaca sebagai naratif sejarah dan budaya, malah sebagai representasi proses pengurusan sosial yang membentuk dinamika kehidupan masyarakat. Novel *Di Hadapan Pulau* berjaya menunjukkan bahawa prinsip pengorganisasian boleh wujud dan berfungsi dengan baik walaupun dalam keadaan yang paling sukar.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pendekatan pengurusan perorganisasian terus diterokai dalam analisis karya sastera Melayu yang lain, terutamanya karya berlatar sejarah, krisis sosial dan masyarakat pinggiran. Penyelidikan masa depan boleh memperluaskan skop dengan membandingkan pengorganisasian sosial dalam pelbagai karya A. Samad Said atau pengarang lain bagi menghasilkan pemahaman yang lebih komprehensif mengenai daya tahan masyarakat Melayu melalui kaca mata pengurusan.

SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini menyumbang kepada bidang kesusasteraan Melayu dengan memperluas aplikasi pendekatan pengurusan perorganisasian sebagai kerangka analisis naratif interdisiplin. Berbeza daripada kajian terdahulu yang lebih tertumpu kepada prinsip perancangan dan kepimpinan, kajian ini memberi penekanan khusus terhadap **pengorganisasian sosial** sebagai teras utama dalam pembentukan struktur dan dinamika masyarakat. Melalui analisis terhadap novel *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said, kajian ini berjaya mengenal pasti lima bentuk pengorganisasian sosial utama iaitu organisasi keagamaan, pembinaan perlindungan, pengurusan pengebumian, usaha kelangsungan hidup, serta institusi kekeluargaan.

Penekanan terhadap pengorganisasian sosial ini membolehkan analisis yang lebih terperinci terhadap mekanisme pembahagian peranan, koordinasi tindakan, hubungan kerjasama dan proses penyesuaian kolektif dalam konteks krisis peperangan. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa pengorganisasian sosial dalam novel tersebut beroperasi secara situasional dan adaptif, walaupun tanpa struktur formal yang rigid. Dapatan ini memperkukuhkan pemahaman bahawa teks sastera mampu mencerminkan proses pengurusan organisasi sosial yang dinamik, berlapis dan kontekstual, terutamanya dalam masyarakat yang menghadapi konflik sejarah dan krisis sosial seperti pendudukan Jepun. Selain itu, kajian ini turut menyokong dapatan Muheji dan Haji Wahid (2025) yang menegaskan bahawa aplikasi prinsip pengurusan dalam analisis novel dapat memperkaya bidang kesusasteraan Melayu melalui pendekatan interdisiplin. Dari sudut metodologi, kajian ini menyumbang satu pendekatan analisis yang mengintegrasikan pembacaan teks sastera dengan prinsip pengorganisasian sosial secara sistematik menggunakan analisis tematik, sambil mengekalkan kepekaan terhadap konteks sejarah, budaya dan sosial.

Justeru, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting bagi penyelidikan lanjutan yang ingin mengangkat pendekatan pengurusan perorganisasian sebagai kerangka analisis utama dalam kajian sastera Melayu. Selain sumbangan teoretikal, kajian ini juga memberikan implikasi praktikal kepada pengurusan organisasi sosial kontemporari, khususnya dalam kalangan komuniti yang berdepan dengan situasi krisis, bencana atau ketidakpastian, di mana pengorganisasian tidak formal sering menjadi tulang belakang daya tahan masyarakat.

RUJUKAN

Abd Karim, M. M. F., & Wahid, A. (2025). Pengurusan efektif bagi memperkasakan pembinaan insan dalam novel *Naratif Ogonshoto*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(1), 1-25. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/201>

Abu Hassan, M. M. (2022). Sejarah, definisi, konsep dan prinsip pendekatan pengurusan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 1–10.

- Aniss Tanisha, & Norazimah Zakaria. (2022). Penerapan elemen pengurusan dalam pembelajaran novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 52–58.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Jaafar, R., & Wahid, A. (2024). Pengurusan kepimpinan keusahawanan dalam karya terpilih Anwar Ridhwan. *Management Research Journal*, 13(2), 43–54. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol13.2.4.2024>
- Mahyudin, M. M., & Haji Wahid, A. (2025). Corak pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(1), 18–32. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/196>
- Mohamad Zuber Ismail, S. B., & Abu Hassan, M. M. (2015). Hikayat *Awang Sulung Merah Muda* dari perspektif pendekatan pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 96–116.
- Muheji, M. M. M., & Haji Wahid, A. (2025). Analisis dimensi pengurusan dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi. *International Journal of Modern Education*, 7(24), 1032–1046. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.724073>
- Robbins, S. P., & Coulter, M. (2014). *Management* (12th ed.). Pearson Education.
- Saadon Awang. (2006). Pentadbiran awam dan proses-proses pengurusan: Satu kerangka konseptual. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 2, 42–57.
- Samad Said, A. (1991). *Di hadapan pulau*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahab, M. T. A., & Wahid, A. (2024). Pengurusan teknologi dalam karya kesusasteraan Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 57–69. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/193>
- Wahab, M. T. A., Wahid, A., & Jaafar, R. (2025). Analisis pengaplikasian pendekatan pengurusan dan teori semiotik dalam novel *Kemelut* karya Shahnnon Ahmad. *Management Research Journal*, 11(2), 1–15.
- Wahab, M. T. A., Wahid, A., & Jaafar, R. (2025). Naratif pengurusan teknologi dalam novel terpilih Shahnnon Ahmad berdasarkan terapan teori semiotik. *Rentas: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*.
- Wahab, M. T. A., Wahid, A., & Jaafar, R. (2025). Pendekatan pengurusan teknologi dan terapan teori semiotik dalam novel *Sampah* karya Shahnnon Ahmad. *International Journal of Modern Education*, 7(28), 462–473. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.728034>
- Wahab, M. T. A., Wahid, A., & Jaafar, R. (2026). Technology management approach and semiotic theory in the works of Shahnnon Ahmad. *International Journal of Current Science Research and Review*, 9(3), 1210–1232.